

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 58

Penyata kedudukan kewangan Jade Floral adalah seperti berikut:

Jade Floral

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Mei 2016

	RM	RM		RM	RM
Bangunan		50,000	Modal		41,600
Peralatan		15,000	Akaun belum bayar		7,400
Inventori		5,000	Pinjaman		40,000
Akaun belum terima		6,000			
Tunai		13,000			
		89,000			89,000

Urus niaga bagi bulan Jun 2016 adalah seperti berikut::

Bil	Urusniaga
(a)	Menerima tunai dari jualan RM1,800 (Nilai kos RM1,200)
(b)	Bayar insurans untuk bangunan RM500.
(c)	Jelaskan hutang akaun belum bayar RM5,000.
(d)	Bayar untuk belanja membaiki peralatan RM350.
(e)	Mendapatkan pinjaman tambahan RM20,000 untuk mengubahsuaikan bangunan.
(f)	Jual barang niaga RM1,900 (nilai kos RM1,000) secara kredit.
(g)	Bayar upah RM1,000.
(h)	Utiliti belum bayar berjumlah RM200.
(i)	Jual peralatan lama bernilai RM5,000 untuk RM6,000 secara kredit

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Jade Floral pada 30 Jun 2016.